



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN BENDAHARI
ARAS 3, BLOK UTARA,
BANGUNAN CANSELORI,
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA.

Tel : + 6088-320 000 samb. 1041 / 1043
Faks : + 6088-320 235
E-mel : pabenums@ums.edu.my

No. Ruj : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 JILID 5 (30)

Tarikh : 31 Disember 2018

SURAT PEKELILING BENDAHARI

Semua Dekan Fakulti

Semua Pengarah Institut/Pusat

Semua Ketua Jabatan/Bahagian

Semua Pemegang Waran Pusat Tanggungjawab

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2018

PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2013 – DASAR PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan terhadap Surat Pekeliling Bendahari Bil.3 Tahun 2014 – Dasar Penjanaan Pendapatan Universiti Malaysia Sabah yang telah dikeluarkan pada 14 Mei 2013.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat pekeling ini disediakan selaras dengan penambahbaikan dasar sedia ada.

3.0 PINDAAN DASAR PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

- 3.1 Pindaan ini melibatkan perubahan bagi jenis aktiviti dan kadar agihan hasil penjanaan pendapatan seperti di **Lampiran 1**.
- 3.2 Dengan berkuatkuasa Surat Pekeling ini, Surat Pekeling Bendahari Bil.4 Tahun 2013 adalah dibatalkan

4.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA PEKELILING

- 4.1 Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua pegawai Universiti untuk digunapakai bagi memastikan urusan berkaitan penjanaaan pendapatan Universiti Malaysia Sabah dilaksanakan secara cekap dan berkesan.
- 4.2 Peraturan dalam pekeling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan mana-mana pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam pekeling dan Dasar Penjanaaan ini boleh dikenakan surcaj dan/atau tindakan tatatertib.
- 4.3 Pekeling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Bertekad Cemerlang”

Yang ikhlas,



ZALLIFAH SHADAN
Bendahari

s.k

- Y.Bhg. Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Ketua Bahagian Audit Dalam
- Ketua Bahagian/Zon Operasi / Sektor Kewangan Jabatan Bendahari



DASAR PELABURAN DAN PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENGENALAN

- 1.1 Dasar Pelaburan dan Penjanaaan Pendapatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyediakan panduan asas kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan anak syarikat serta subsidiarinya bagi mengatur dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pelaburan dan penjanaaan pendapatan sebagaimana ditetapkan oleh pihak berkuasa UMS.
- 1.2 Dasar penjanaaan pendapatan ini disediakan berdasarkan peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Agensi Pusat dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah UMS dan mana-mana pihak yang berkuasa bagi menentukan sesuatu peraturan yang berkaitan dengan kewangan dan perakaunan Universiti.
- 1.3 Selaras dengan dasar Kerajaan supaya semua Universiti Awam (UA) menjana pendapatannya sendiri dalam keadaan pengurangan peruntukan Belanja Mengurus Tahunan UA secara berperingkat, maka Universiti harus mengambil pendekatan yang proaktif untuk menggiatkan aktiviti-aktiviti pelaburan dan penjanaaan pendapatan di kalangan PTJ dan anak syarikat serta subsidiarinya.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Mengurangkan kebergantungan UMS kepada geran mengurus kerajaan.
- 2.2 Mengurangkan kebergantungan JFPIU kepada peruntukan mengurus dalam perbelanjaan operasi Universiti.
- 2.3 Menymai budaya penjanaaan pendapatan dan 'value for money' di kalangan JFPIU tanpa menjejaskan fungsi utama Universiti sebagai pusat Kecemerlangan akademik.

3. SKOP PEMAKAIAN

Dasar ini hanya terpakai kepada semua JFPIU di Universiti.

4. TANGGUNGJAWAB

Naib Canselor bertanggungjawab dalam memastikan dasar ini dipatuhi dan dilaksanakan di Universiti.

5. DOKUMEN BERKAITAN

- 5.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- 5.2 Akta Acara Kewangan 1957
- 5.3 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti
- 5.4 Peraturan dan Garis Panduan Pelaksanaan Projek dan Program Latihan Rundingan
- 5.5 Garis Panduan Penyewaan Ruang
- 5.6 Garis Panduan Paten di kalangan IPT
- 5.7 Pekeliling Bendahari Bilangan 7 Tahun 2011, Pengurusan Akaun Amanah, UMS
- 5.8 Dasar Harta Intelek UMS
- 5.9 Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti
- 5.10 Kod Etika Ahli Akademik UMS
- 5.11 Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA (April 2004)
- 5.12 Akta Syarikat 1965
- 5.13 Surat Pekeliling Bendahari Bil.4 Tahun 2013 – Dasar Penjanaan Pendapatan Universiti Malaysia Sabah
- 5.14 The University Transformation Programme (UniTP) Purple Book - Enhancing University Income Generation Endowment and Waqf

6. PUNCA KUASA

- 6.1 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan) 2012:
 - 6.1.1 Seksyen 5 Bahagian 1 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah antaranya memperuntukkan kuasa tambahan kepada Universiti, dengan kelulusan Menteri Kewangan, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain, Kerajaan Persekutuan atau Negeri, sesuatu badan atau pihak berkuasa awam, sesuatu suruhanjaya atau seseorang.
 - 6.1.2 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah juga memberi kuasa kepada Universiti untuk menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Universiti.
 - 6.1.3 Ia juga memberi kuasa kepada Universiti untuk memperoleh dan memegang sebagai pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan dan sekuriti yang diterbitkan melalui langganan asal, tender, pembelian, pindah hakmilik, pertukaran atau selainnya.

- 6.1.4 Universiti juga diberi kuasa untuk menjalankan atau menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan atas pemunyaan yang tersebut untuk menjual, memindahkan hakmilik, menukarkan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu.
- 6.1.5 Ia turut membenarkan Universiti membeli, memajak atau menyewa atau selainnya memperoleh dan melabur dalam apa-apa harta tanah dan harta diri yang difikirkan perlu atau sesuai bagi mana-mana maksud Universiti.
- 6.1.6 Seksyen 6 menyatakan peruntukan yang berhubungan dengan perbadanan iaitu antaranya Lembaga hendaklah menetapkan melalui peraturan-peraturan:
- a) Maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
 - b) Hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
 - c) Sistem pengurusan perbadanan itu; dan
 - d) Hubungan antara perbadanan itu dengan Universiti dan hak kawalan Lembaga ke atas perbadanan itu
- 6.1.7 Seksyen ini juga mengatakan Lembaga boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana peraturan berkenaan dengan perbadanan atau, tertakluk kepada kelulusan Menteri, mengarahkan perbadanan digulung atau dibubarkan.
- 6.1.8 Sekiranya perbadanan dibubarkan, aset perbadanan hendaklah dipindah hak miliknya kepada dan diletakhakkan pada Universiti selepas dijelaskan tanggungannya. Penggulangan sesuatu perbadanan hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Lembaga melalui peraturan-peraturan.
- 6.2 Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA (April 2004)
**IPTA kini dikenali sebagai Universiti Awam (UA)*
- 6.2.1 Garis Panduan ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan dipanjangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada semua UA untuk membantu UA membuat pertimbangan dalam penyertaan ekuiti, perkongsian dan usaha sama serta lain-lain bentuk pelaburan.
- 6.2.2 Tujuannya adalah memaklumkan kepada UA mengenai prosedur-prosedur yang perlu dipertimbangkan dalam proses mengemukakan cadangan membuat pelaburan untuk kelulusan Menteri Kewangan.
- 6.2.3 Garis Panduan ini juga digunakan di dalam pertimbangan UA semasa membuat keputusan untuk penyertaan ekuiti, perkongsian dan usaha sama bersama pihak luar.

- 6.2.4 Pelaburan boleh dibuat oleh UA dalam bentuk ekuiti, sekuriti boleh dagang dan harta tanah.
- 6.2.5 Pelaburan dalam ekuiti termasuk mengadakan subsidiari, syarikat bersekutu (*associate company*), usaha sama (*joint venture*) dan menubuhkan perbadanan.
- 6.2.6 Pelaburan terus dalam sekuriti boleh dagang termasuk membeli syer, saham debentur, bon dan sebagainya secara terus tanpa mewujudkan usaha sama anak syarikat atau syarikat (*associate*). Saham yang tidak disenaraikan di bursa saham (*Non listed shares*).
- 6.2.7 Pelaburan dalam harta tanah termasuk membeli, menyewa atau menyewaguna dalam apa-apa harta tanah.
- 6.2.8 Pihak UA boleh membuat pelaburan sebagai satu cara bagi menambah lagi kewangan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan seksyen 7.
- 6.3 Akta Syarikat 1965 [Akta 125]
 - 6.3.1 Anak syarikat yang ditubuhkan oleh UA hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - 6.3.2 Pengurusan dan pentadbiran anak syarikat adalah turut tertakluk kepada apa-apa peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 selain daripada peruntukan yang ditentukan oleh Universiti.
- 6.4 Pengecualian
 - 6.4.1 Mana-mana peruntukan kuasa yang tidak dinyatakan adalah tertakluk kepada kuasa Lembaga Pengarah Universiti dan/atau kelulusan Kementerian Kewangan.

7. PELABURAN DAN DASAR PENJANAAN PENDAPATAN UMS

7.1 PELABURAN SIMPANAN TETAP ATAU SEUMPAMANYA

- 7.1.1 Universiti boleh membuat pelaburan Simpanan Tetap sama ada berjangka pendek atau berjangka panjang tertakluk kepada keupayaan dan kecairan aliran tunai semasa secara keseluruhan Kumpulan Wang di Universiti.
- 7.1.2 Universiti hendaklah membuat perbandingan faedah sekurang-kurangnya daripada tiga (3) Institusi Kewangan yang menawarkan kadar faedah yang kompetitif dan kurang berisiko kepada Universiti.
- 7.1.3 Had nilai dan kuasa untuk pelaburan Simpanan Tetap Universiti adalah seperti berikut:

Had Nilai (<i>Principal sahaja</i>)	Kuasa Melulus
Melebihi RM lima (5) juta	Naib Canselor
Tidak melebihi RM lima (5) juta	Bendahari

- 7.1.4 Universiti secara automatik boleh memperbaharui pelaburan Simpanan Tetap dengan mengambilkira kadar faedah yang masih kompetitif dan keperluan kecairan tunai pada tempoh matang.
- 7.1.5 Hasil faedah yang dijana daripada pelaburan Simpanan Tetap hendaklah diiktiraf sebagai hasil Universiti mengikut Kumpulan Wang tertakluk kepada ketetapan Universiti.
- 7.1.6 Pelaburan Simpanan Tetap hendaklah di Institusi Kewangan yang mempunyai perlindungan Perbadanan Insurans Depost Malaysia (PIDM).
- 7.1.7 Kadar faedah yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan kepada Universiti boleh dinikmati secara saksama oleh Anak Syarikat.

7.2 PELABURAN TERUS DALAM SEKURITI BOLEH DAGANG ATAU SEUPAMANYA

- 7.2.1 Universiti boleh membuat pelaburan dalam sekuriti boleh dagang (*marketable securities*) yang dibuat secara terus tanpa mewujudkan usaha sama, anak syarikat atau syarikat (*associate*).
- 7.2.2 Sekuriti boleh dagang (*marketable securities*) merujuk kepada pelaburan yang mempunyai kecairan (*liquidity*) yang tinggi di mana pelaburan tersebut mudah ditukar kepada wang tunai seperti syer/saham, bon dan saham debentur.
- 7.2.3 Universiti hendaklah mengendalikan Pelaburan Terus sama ada melalui Jawatankuasa Khas atau melantik Pengurus Dana sepenuh masa/khidmat firma pengurus dana profesional secara kontrak.
- 7.2.4 Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan atau Pengurus Dana yang dilantik hendaklah bertanggungjawab dan melapor secara terus kepada Jawatankuasa Pelaburan Universiti serta mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Universiti.
- 7.2.5 Portfolio pelaburan hendaklah mengambilkira risiko yang ditanggung dan lebih menumpukan kepada pelaburan jangka panjang yang mendatangkan pulangan yang tinggi dan konsisten.
- 7.2.6 Portfolio pelaburan hendaklah mengikut pembahagian seperti berikut:

Perkara	Peraturan
Sekuriti Berpendapatan Tetap	minima 30%
Sekuriti Boleh Dagang	maksima 60%
Deposit Jangka Pendek	maksima 10%

7.2.7 Universiti tidak boleh membuat Pelaburan Terus yang:

- (a) melanggar hukum Syariah;
- (b) bertentangan dengan falsafah dan objektif;
- (c) bertentangan dengan kepentingan Universiti; dan
- (d) terlibat dengan pasaran hadapan (*future trading*) dan pasaran matawang (*currency trading*).
- (e) terlibat dengan mana-mana *financial instrument* yang tidak dibenarkan oleh Bank Negara seperti contoh *derivatives* dan *gold trading*.

7.3 USAHASAMA

- 7.3.1 Universiti boleh membuat usahasama atau apa-apa bentuk kerjasama dengan agensi kerajaan, syarikat, anak syarikat, syarikat *associate*, industri dan mana-mana orang jika di dapati perlu, berfaedah atau bersesuaian dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti/projek.
- 7.3.2 Perjanjian persetujuan yang akan ditandatangani hendaklah menyatakan secara jelas pembahagian peratusan keuntungan atau kerugian di antara pihak-pihak yang terlibat.
- 7.3.3 Pembahagian peratusan keuntungan atau kerugian adalah tertakluk kepada proses perundingan serta persetujuan antara satu sama lain, dengan anggaran agihan keuntungan sekurang-kurangnya 15% kepada Universiti.

7.4 PENUBUHAN ANAK SYARIKAT

- 7.4.1 Universiti boleh menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Universiti tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan atau Lembaga Pengarah Universiti.
- 7.4.2 Syarikat yang ditubuhkan hendaklah mempunyai syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memanfaatkan ilmu, kepakaran, hasil penyelidikan dan lebih kapasiti di Universiti;
- (b) memastikan semua aktiviti yang dijalankan selaras dengan objektif pengwujudan Universiti;
- (c) selaras dengan matlamat pengkorporatan Universiti yang menitikberatkan kepada mekanisme pembiayaan dan usaha-usaha Universiti untuk menjana pendapatan sendiri bagi mengurangkan pergantungan kewangannya kepada Kerajaan; dan
- (d) mengkomersialkan hasil *research and development* (R&D) Universiti sahaja. Aktiviti komersial lain yang bukan hasil R&D tidak dibenarkan.

7.4.3 Universiti tidak terikat untuk menyumbangkan bantuan kewangan bagi penyertaan ekuiti, launching grant, perbelanjaan operasi, perolehan aset atau apa-apa tujuan dalam penubuhan syarikat.

7.4.4 Pembahagian peratusan keuntungan kepada Universiti adalah tertakluk kepada proses perundingan dan persetujuan antara satu sama lain.

7.5 PENGKOMERSILAN

7.5.1 Pengkomersilan produk, perkhidmatan dan aset Universiti yang dikenalpasti sesuai dan *viable* untuk dikomersilkan. Produk, perkhidmatan dan aset Universiti yang boleh dikomersilkan adalah seperti berikut:

- (a) Pengajaran dan Pembelajaran;
- (b) Penyelidikan dan Inovasi;
- (c) Perundingan;
- (d) Persidangan/bengkel/seminar/kursus/latihan;
- (e) Pengurusan Instrumentasi; dan
- (f) Pengurusan prasarana dan ruang.

7.5.2 Anak Syarikat atau Pusat Tanggungjawab boleh mengkomersilkan produk/perkhidmatan/aset bagi pihak Universiti. Kuasa dan tanggungjawab Anak Syarikat/PTJ adalah termasuk perkara-perkara berikut:

- (a) mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melindungi hak cipta hasil produk/perkhidmatan/aset yang hendak dikomersilkan;

- (b) mendapatkan penilai bebas bagi hasil produk/ perkhidmatan/aset yang hendak dikomersilkan;
- (c) mengenal pasti pemegang serah hak/pemegang lesen yang berpotensi bagi tujuan pengkomersilan;
- (d) menyerahkan hak/melesenkan kepada pihak ketiga, tertakluk kepada kelulusan Universiti;
- (e) mengenal pasti kaedah terbaik untuk penggunaan hasil produk/perkhidmatan/aset yang hendak dikomersilkan; dan
- (f) mengutamakan syarikat perusahaan tempatan bagi tujuan menyerahkan hak/lesen untuk pengkomersilan.

7.5.3 Perundingan Awal

- (a) Anak Syarikat/PTJ perlu memastikan hak ke atas harta intelektual dan lain-lain maklumat penting dinyatakan dengan jelas dan proses perundingan mencapai persetujuan antara satu sama lain.
- (b) Pasukan perunding boleh dilantik sama ada dari dalam atau luar sekiranya perlu.
- (c) Pasukan perunding perlu mempunyai kepakaran dalam bidang pengkomersilan dan kefahaman yang tinggi terhadap peraturan, undang-undang, polisi Kerajaan dan lain-lain polisi yang digunapakai oleh Universiti.
- (d) Anak Syarikat/PTJ akan menyelaraskan semua aktiviti bagi tujuan pengkomersialan produk/perkhidmatan/aset termasuk:
 - (i) kajian Pasaran;
 - (ii) mengenal pasti dan memilih pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal dan pemasaran bagi tujuan pengkomersilan;
 - (iii) mengadakan perbincangan dengan pemegang serah hak/pemegang lesen atau pihak yang berminat untuk tujuan usaha sama;
 - (iv) membangunkan pelan perniagaan; dan
 - (v) perunding perjanjian.
- (e) Universiti bersetuju kadar agihan penjanaan pendapatan daripada pengkomersilan seperti dalam jadual berikut:

Bil	Perkara	Kadar Agihan (%)			Catatan
		Universiti	Anak Syarikat / PTJ	Penyelidik	
1.	Produk	20	20	60	Agihan daripada jumlah pendapatan
2.	Perkhidmatan	50	50	-	
3.	Aset	50	50	-	

7.6 PENGUMPULAN DANA (FUND RAISING)

7.6.1 Universiti boleh:

- (a) menubuhkan satu unit khas bagi pengumpulan dana (*fund raising*) di mana unit tersebut adalah bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah Universiti atau Naib Canselor; atau
- (b) melantik seorang profesional/pakar yang mempunyai pakar dan pengalaman dalam pemasaran (*marketing*), melobi (*lobbying*), pengumpulan dana (*fund raising*), pengurusan dan media di mana orang tersebut boleh ditempatkan dalam struktur Universiti yang sedia ada.

7.6.2 Unit/profesional tersebut hendaklah berfungsi untuk:

- (a) mengukuhkan hubungan dengan Alumni Universiti;
- (b) mengadakan program pemasaran dan promosi; dan
- (c) mewujudkan program/kempen pengumpulan dana

7.6.3 Sasaran penderma adalah Alumni Universiti, perbadanan syarikat, yayasan dan individu.

7.7 WAKAF

7.7.1 Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, perwarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T.

7.7.2 Universiti boleh menubuhkan satu unit khas bagi pengurusan Wakaf di mana unit tersebut adalah bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah Universiti atau Naib Canselor.

7.7.3 Universiti perlu berdaftar dengan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) agar diberi kuasa untuk pengurusan Wakaf.

7.7.4 Wakaf boleh melibatkan bangunan, tanah, kemudahan dan peralatan, tunai dan aset tidak ketara seperti *trademarks*, *copyrights* dan *Intellectual property*.

7.7.5 Unit tersebut hendaklah berfungsi untuk:

- (a) menguruskan hal ehwal Wakaf di Univeristi;
- (b) mewujudkan pelan strategik dan garis panduan Wakaf Universiti untuk menggerakkan aktiviti Wakaf di Universiti;
- (c) memperkenalkan dan mempromosikan aktiviti Wakaf bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman di antara orang awam.

7.8 AKTIVITI PENJANAAN LAIN BAGI PUSAT TANGGUNGJAWAB

7.8.1 Aktiviti penajaan pendapatan lain boleh dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab tertakluk kepada kelulusan pihak Universiti.

7.8.2 Universiti bersetuju kadar agihan penajaan pendapatan yang dilaksanakan seperti dalam jadual berikut:

Bil	Perkara	Kadar Agihan (%)		
		UMS	PTJ	Pengurus Program
1.	Penyewaan ruang Universiti seperti dewan cancelor, dewan kuliah, pusat sukan, pusat latihan dan penyewaan ruang lain yang berkaitan.	70 70	30 20	- 10
2.	Seminar/Bengkel/Persidangan/Kursus/Latihan.	30	70	-
3	Program Akademik seperti program pembelajaran sepanjang hayat dan PLUMS.	30	70	
4.	Program Usahasama.	30	70	-
5.	Penganjuran kursus oleh Unit/pusat Latihan untuk pihak luar.	20	80	-
6.	Penyediaan perkhidmatan/Kemudahan instrumentasi makmal di bawah seliaan PIPS.	50	50	-
7.	Aktiviti Jabatan, seperti penerbitan drama tv, seni,	20	80	-

Bil	Perkara	Kadar Agihan (%)		
		UMS	PTJ	Pengurus Program
	radio, penjualan cenderahati dan lain-lain aktiviti/perkhidmatan yang berkaitan.			
8.	Penyediaan perkhidmatan/Kemudahan instrumentasi makmal di bawah seliaan PTJ.	20	80	-
9.	Konsultasi.	10	90	
10.	Penjualan aset hidup dan tanaman.	20	80	-
11.	Pengambilan Postgraduate Research Student (hanya terpakai kepada Pelajar Antarabangsa dengan tajaan biasiswa).	50	20	30

7.8.3 Sekiranya terdapat mana-mana aktiviti penjanaan pendapatan selain daripada yang dinyatakan, maka pengagihan hasil atau keuntungan daripada aktiviti berkenaan adalah ditentukan oleh pihak Universiti.

8. SISTEM KAWALAN DAN PEMANTAUAN

- 4.1 Pihak Universiti melalui Pegawai Pengawal Kewangan akan memantau setiap program/aktiviti penjanaan pendapatan di Anak Syarikat dan PTJ supaya aktiviti yang dilaksanakan mengikut dasar yang ditetapkan.
- 4.2 Anak Syarikat dan PTJ perlu bertanggungjawab dalam semua aktiviti yang dijalankan dan urus niaga yang dilakukan tanpa menjejaskan nama Universiti.
- 4.3 Universiti boleh campur tangan ke atas pengurusan aktiviti Anak Syarikat dan PTJ sekiranya terdapat keperluan dari semasa ke semasa.
- 4.4 PTJ perlu mengemukakan laporan penjanaan pendapatan berserta dengan dokumen/maklumat sokongan bagi tujuan pengagihan keuntungan pada setiap akhir bulan.
- 4.5 Syarikat Induk perlu membentangkan laporan prestasi kewangan dan laporan pencapaian aktiviti serta analisis yang berkenaan kepada Jawatankuasa Pelaburan dan Penjanaan Pendapatan untuk makluman Lembaga Pengarah Universiti sekurang-kurangnya pada setiap suku tahun.

9. PERUNTUKAN AM

Pihak Pengurusan Universiti berhak untuk mengubah atau meminda dasar ini dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan dan kepentingan Universiti.

10. PENUTUP

Dasar ini akan menjadi teras kepada pihak Universiti mengenai peranan dan tanggungjawab untuk menggerak dan mempertingkatkan usaha dalam menjana hasil pendapatan Universiti. Pendekatan ini adalah perlu ke arah penambahbaikan berterusan dalam usaha UMS menjadi sebuah Universiti berstatus autonomi apabila mencapai sasaran penjanaan pendapatan yang ditetapkan.